

Headline **Kelantan terus berharap laksanakan hudud**
Date **18 Sep 2011**
MediaTitle **Mingguan Malaysia**
Section **Dlm Negeri**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **459,793 / 1,854,000**

Language **Malay**
Page No **18**
Article Size **208 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **3,025**
PRValue **9,075**



Kelantan terus berharap laksanakan hudud

Oleh **MOHD. ZUHARMAN MOHAMMAD NOR**
pengarang@utusan.com.my

KOTA BHARU 17 Sept. - Kerajaan Pas Kelantan terus berharap untuk melaksanakan hukum hudud di negeri itu walaupun ia pernah menjadi polemik politik yang berpanjangan apabila ditentang hebat oleh sekutunya dalam pembangkang iaitu DAP.

Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yakin masalah sosial seperti peningkatan pesakit HIV dan Aids di negeri itu tidak akan berlaku sekiranya hukum hudud dilaksanakan.

Katanya, Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan telah meluluskan Enakmen Undang-undang Kanun Jenayah Syariah (Hukum Hudud) pada

1993, namun ia gagal dilaksanakan pada era pentadbiran Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri.

“Mungkin kerajaan Kelantan perlu rujuk kembali hukum hudud untuk tangani masalah ini (gejala sosial). Hukum hudud ini kami sudah lulus, DUN sudah lulus, segala-gala sudah lulus, tetapi bekas Perdana Menteri (Dr. Mahathir) datang ke Kelantan pada (bulan) Ramadan, bercakap di Nilam Puri, kalau Kelantan nak laksana hudud, kami (kerajaan) akan bertindak.

“Boleh jadi dia bertindak seperti Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) dahulu. Dalam kaedah Islam, kalau tak boleh buat semua, jangan tinggal semua, jadi kami hentikan dahulu hudud. Barang (hukum) sudah ada, di akhirat nanti kalau Allah

tanya kenapa tak laksanakan hudud, saya jawab Mahathir.

“Itu zaman Mahathir, zaman Najib (Datuk Seri Najib Tun Razak) bagaimana, mungkin ada pembaharuan? Insya-Allah dengan seminar-seminar yang kita buat ini, terbuka pintu hati Perdana Menteri. Ini perkara hukum Allah, akhirat kelak, syurga dan neraka. Jadi kami pada setiap masa hendak hukum hudud dan bila hudud tidak ada, inilah negara kita, rasuahlah, zinalah, pecah rumahlah,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Seminar Pelaksanaan Siasah Syar’iyyah Dalam Konteks Semasa Peringkat Kebangsaan 2011 di Dewan Besar Kompleks Balai Islam Lundang di sini hari ini.

Hadir sama bekas Mufti Perlis, Prof. Madya Dr. Mohd. Asri

Zainul Abidin.

Mengulas isu itu, Mohd. Asri berkata, Kerajaan Pas Kelantan perlu menyediakan persekitaran yang kondusif terlebih dahulu sebelum mahu melaksanakan hukum hudud agar ia tidak menimbulkan kesan negatif kelak.

Umpamanya kata beliau, dalam pelaksanaan hukuman sebat untuk penzina, urusan perkahwinan perlu dipermudahkan agar umat Islam tidak mempunyai alasan lagi untuk melakukan dosa berkenaan.

“Pada masa itu, dengan suasana yang tak menggalakkan zina, maka cantiklah hudud itu (jika dilaksanakan). Saya rasa itu tanggungjawab yang paling besar perlu dibuat Kelantan terlebih dulu sebelum melaksanakan hukum hudud,” katanya.